

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

**LAWATAN KE UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA (UTM) BERKAITAN DOUBLE TAX DEDUCTION (DDT)**

Pada 08 Februari 2017 telah diadakan lawatan *benchmark* ke UTM berkaitan pelaksanaan *Double Tax Deduction (DDT)* atau Potongan Cukai Dua Kali. Ia bertujuan melihat pelaksanaan insentif potongan cukai yang boleh dipohon oleh syarikat daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), sekiranya menyumbang dana kepada universiti untuk penyelidikan. Lawatan diketuai oleh Timbalan Pendaftar ORICC, Pn. Hawa Omar. Turut serta adalah wakil dari PTj yang berkaitan iaitu Pn. Zuhaila Anida Zainal Abidin (Pejabat Bendahari), Pn. Syahinaz Arsad (Bahagian Perundangan), Cik Aniza Asri (UTHM Holdings) dan beberapa pegawai daripada ORICC. Klausula mengenai insentif ini dinyatakan di bawah *Section 34 – Special Provisions Applicable to Adjusted Income from a Business, Sub-Seksyen 34A dan 34B Akta Cukai Pendapatan 1967* iaitu; *Special Deduction for Research Expenditure (Section 34A)* dan *Special Deduction for Contribution to an Approved Research Institute or Payment for Use of Services of an Approved Research Institute or Company.*



**MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO 2017 (MTE 2017)**

Kumpulan penyelidik universiti telah meraih tiga pingat emas, tiga pingat perak, empat pingat gangsa, Anugerah Khas dan Anugerah *Best of the Best* di Malaysia Technology Expo 2017 yang berlangsung pada 16 hingga 18 Februari 2017 yang lepas. Untuk MTE 2017 ini, UTHM telah menghantar 10 penyertaan yang kesemuanya berjaya membawa pulang pingat masing-masing. Lebih membanggakan lagi penyelidik UTHM iaitu Dr. Nickholas Anting Anak Guntur dari Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) telah memperoleh Anugerah Khas dan Anugerah *Best of the Best* melalui produk "MOVAL Drain System". MTE 2017 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Norhalim Yunus dari Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Tahniah diucapkan kepada semua pemenang.



**KNOWLEDGE SHARING SESSION "JOURNEY TO SECURE PUBLIC GRANT"**

Pada 21 Februari 2017, Pusat Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) telah menganjurkan satu taklimat bertajuk "*Journey to Secure Public Grant*" di Dewan Jemaah, UTHM. Perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Profesor Dr. Abu Khairi A' Ain, Jabatan Kejuruteraan Komputer dan Elektronik, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Objektif utama penganjuran adalah perkongsian pengalaman dan idea untuk mendapatkan dana daripada industri/ organisasi luar. Turut hadir adalah Profesor Dr. Ruzairi Abdul Rahim, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), pihak pengurusan ORICC dan staf akademik. Diharapkan agar sesi ini dapat memberikan manfaat kepada warga universiti yang hadir.

